

# BTN lancar pendekatan baru lebih kreatif, kata Azalina

NST 20 March 2016 6

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryam@newsabah-times.com.my

**KOTA KINABALU:** Biro Tata Negara (BTN) akan melancarkan beberapa pendekatan baru yang lebih kreatif dalam usaha untuk menjenamakan semula biro itu.

Menyatakan di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said berkata antara pendekatan itu termasuk memupuk semangat patriotisme dan membina sikap berteraskan nilai murni di kalangan generasi muda warga Malaysia menerusi rancangan TV, Radio dan Selfie Kene-garaan.

“Sebelum ini, kita (dalam BTN) telah membincangkan penjenamaan semula bersama beberapa professor, ahli pembangkang dan ahli parlimen Barisan Basional dan kami mendapati bahawa generasi muda lebih meminati visual daripada ceramah dalam kelas.

“Sebab itu kami akan lancerkan beberapa pendekatan baru termasuk rancangan TV,

Rancangan Radio dan Selfie kenegaraan untuk menerapkan semangat patriotism dalam diri generasi muda,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Program Sembang Santai Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Tenaga Penggerak BTN Negeri Sabah, di Dewan Banquet, Bangunan Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Azalina berkata pendekatan baru dan kreatif dalam penjenamaan semula BTN adalah untuk memastikan pengisian ilmu kekal relevan kepada kumpulan sasaran terutamanya generasi muda.

Katanya BTN juga akan memfokuskan kepada elemen patriotisme dan kesetiaan kepada negara agar generasi muda benar-benar memahami tanggungjawab mereka sebagai bakal pewaris dan pemimpin negara pada masa akan datang.

Mengenai pelbagai maklumat yang dimuatkan dalam laman sosial, Azalina menging-



ALBUM ... Azlina bergambar bersama sebahagian daripada para pelajar UMS yang menyertai program itu.

gatkán masyarakat khususnya generasi muda supaya berhati-hati apabila mendapatkan maklumat melalui laman sosial.

“Ini penting kerana tidak semua maklumat dalam laman sosial itu betul, jangan baca

dan terus percaya. Sebaliknya kita perlu mendapatkan pengesahan, selepas itu cuba fahami maklumat itu mengenai apa,” katanya.

Beliau berkata kepesatan perkembangan teknologi dan

maklumat ketika ini memudahkan semua rakyat mendapatkan maklumat, oleh itu rakyat perlu bijak menilai maklumat yang diperolehi maklumat sahih atau sebaliknya.